

Junior Kimwah ahli akademik dan pelukis muda

NST 1.1.2018

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

YAKIN dengan bakat diri sendiri yang dianugerahkan Tuhan, anak muda bernama Junior Kimwah mengorak langkah cemerlang dalam bidang seni visual dan lukisan.

Pemuda berketurunan Lun Bawang yang merantau ke negeri Sabah sejak 2011 itu yakin dengan anugerah Tuhan yang diberikan kepada dirinya dan beliau berusaha untuk merealisasikan impian dirinya bagi bergelar seorang ahli akademik dan pelukis terkenal.

Beliau yang mesra dikenal sebagai Jun berkongsi perit getir yang dihadapi dalam meniti perjalanan sejak dahulu hingga kini dalam memperjuangkan seni visual dan lukisan, terutama seni lukisan bermotifkan kebudayaan warisan bangsa.

Perjalanan Junior sebagai pelukis muda

Bermula dari bangku sekolah rendah, Junior sangat meminati seni visual dan lukisan yang mana beliau sen-

tiasa memberikan idea-idea dan mendapat pelbagai ilham dalam menghasilkan lukisan yang sangat baik, berbanding rakan-rakan sebaya beliau.

“Sejak sekolah rendah, saya terlalu meminati mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan setiap kali kelas mata pelajaran ini bermula, keterujaan saya dalam membuat lukisan dan bermain dengan warna sangat besar,” katanya.

Jun turut memberitahu semasa zaman persekolah beliau di fasa sekolah menengah, beliau merupakan pelajar aliran kemanusiaan yang mengambil subjek Geografi dan Ekonomi Asas.

Oleh kerana didorong faktor minat yang mendalam terhadap seni visual dan lukisan, beliau nekad mengambil kertas tambahan bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), iaitu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

“Saya menghadapi kesukaran kerana kebanyakan masa saya dipenuhi dengan rutin pembelajaran yang padat bagi mata pelajaran yang saya ambil dalam aliran kemanusiaan, kecuali Pendidikan Seni

Visual.

“Saya bertekad apabila memilih untuk mengambil mata pelajaran seni sebagai kertas tambahan dalam peperiksaan SPM saya dan saya mengambil langkah dengan membeli beberapa buku rujukan, contoh kertas peperiksaan, bertanya kepada rakan-rakan yang mengambil matapelajaran tersebut dan turut mengeluarkan duit tabungan saya untuk menyempurnakan kerja kursus bagi mata pelajaran kertas tambahan yang saya ambil... semuanya kerana minat saya kepada bidang seni,” jelasnya kepada New Sabah Times sambil tersenyum dan menunjukkan beberapa lampiran lukisan yang dihasilkannya.

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, pilihan tepat

Setelah menamatkan pengajian di peringkat SPM dengan cemerlang dan memperoleh gred yang amat baik bagi kertas tambahan yang diambilnya, beliau kemudiannya mengorak langkah ke hadapan dengan melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

“Saya meneruskan STPM

saya di sekolah saya, dan mengambil keputusan untuk menjadikan matapelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai subjek wajib saya.

“Banyak halangan daripada rakan-rakan dan para guru yang mana mereka merasakan saya lebih sesuai untuk berada dalam kelas aliran lain seperti perniagaan dan ekonomi, namun saya tetap mengambil keputusan untuk memilih seni kerana rasa cinta saya yang mendalam pada seni visual dan lukisan,” katanya lagi.

Pilihan ke Universiti, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah, Ijazah Doktor Falsafah

Ketika ditemui, Jun sibuk dengan lakaran beliau yang mana dijadikan sebagai satu daripada rutin hariannya mengisi masa lapang selain daripada membuat kajian dan ulangkaji ilmiah sebagai seorang ahli akademik.

“Ketika melangkah kaki masuk ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 2011, saya bercita-cita untuk menjadi seorang pelukis yang mampu menyumbang kepada komuniti dan menjadi ahli akademik yang dapat berbakti kepada anak bangsa.

“Saya yakin, pengajian di peringkat universiti adalah satu permulaan bagi saya untuk terus melangkah ke alam kerjaya yang lebih mencabar,” katanya sambil tersenyum semasa membawa wartawan New Sabah Times melawat Galeri Seni di Blok Seni, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), UMS.

Sambil berseloroh, Jun nyata periang dan seorang pemuda berjiwa seni yang kental dalam mencapai angan-angannya.

Beliau banyak menghasilkan karya-karya berkualiti yang mampu dibanggakan oleh anak muda masa kini.

Bercerita mengenai perjalanan akademik di peringkat universiti, beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera, Seni Visual pada tahun 2014.

Tanpa membuat masa, beliau melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi dengan harapan dan segunung cita-cita untuk menjadi seorang ahli akademik dalam bidang seni visual tercapai.

Disember 2014, bermulalah perjalanan Jun sebagai seorang pelajar pascasiswazah dan kajian yang difokuskan beliau adalah pernilaian karya dan mutu lukisan.

“Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan. Saya memang tidak membuat masa dan berbincang dengan keluarga tentang hasrat saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

“Saya bersyukur kerana keluarga saya khususnya ayah dan ibu sangat mendukung cita-cita saya tanpa jemu serta membantu saya dari banyak sudut,” katanya lagi.

Beliau kini yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang yang sama turut men-



JUNIOR, 26 tahun, melakar hasil seni sambil mencari ilham dalam penghasilan lukisan yang lebih baik untuk disumbangkan kepada masyarakat.

gendalikan kelas yang mana membimbing para pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam melakar hasil seni yang lebih baik.

“Mula berkecimpung dan mengendalikan kelas seni di FKSW, saya merasakan jiwa seni saya dan niat saya untuk berbakti kepada anak bangsa sebagai ahli akademik semakin mendalam dan saya bersyukur kerana Tuhan memberi saya peluang untuk mencapai cita-cita saya walaupun pelbagai dugaan turut diberikanNya,” jelasnya.

Pameran seni yang disertai

Pelukis dan lukisan memang tidak asing lagi dengan pameran seni dan lukisan. Jun turut menyertai beberapa pameran seni yang diadakan di sekitar negeri Sabah dan beliau turut aktif dalam mengendalikan kajian lapangan bersama para pensyarah dan penyelidik di seluruh Borneo (Sabah dan Sarawak).

Antara pameran yang disertai Jun adalah Pameran Seni Lukis UMS yang berlangsung pada tahun 2013, Projek Matrix Show yang diadakan pada tahun 2014 di Galeri Seni FKSW, UMS dan Neo Artex Show yang diadakan di Suria Sabah pada tahun 2014.

Pameran seni yang disertai tainya banyak memberi pendedahan dan peluang kepada beliau untuk lebih mengenal para pelukis di seluruh negeri dan beliau berbangga dapat menjadi sebahagian daripada keluarga penggiat seni itu.

“Saya boleh dikatakan masih baru dan terlalu banyak perkara harus saya pelajari dari senior-senior yang terlalu banyak pengalaman dalam bidang seni lukisan,” kata Jun.

Para pensyarah dan tenaga pengajar di FKSW nyata antara suntikan semangat dan kekuatan yang membuatkan Jun lebih kuat dalam mengejar impian beliau.

“Lukisan pertama saya yang saya hasilkan berukuran 6 kaki x 4 kaki ini mengambil masa

selama dua minggu untuk saya siapkan dan ini merupakan projek saya bagi kerja kursus sebelum saya menamatkan pengajian saya di peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 2014.

“Lukisan ini saya ilhamkan dari warisan budaya suku kaum saya sendiri iaitu Lun Bawang dan lukisan ini saya namakan sebagai Ruran Ulung (wanita Lun Bawang),” katanya sambil menunjukkan lukisan Ruran Ulung yang terpamer gah di Galeri Seni FKSW itu.

Tanggungjawab sebagai anak

“Kasih sayang ibu bapa saya kepada saya sangat tidak tergambar dengan kata-kata.

“Antara faktor utama saya mendapatkan kekuatan untuk menyambung pengajian sehingga ke tahap Ijazah Doktor Falsafah adalah kerana saya ingin menggembirakan ibu bapa saya,” katanya.

Kepayahan hidup zaman dahulu semasa ibu bapa dan orang tua antara penyebab kebanyakannya daripada mereka tidak dapat menyempurnakan pendidikan mereka sendiri hingga ke tahap yang lebih tinggi.

Bagi merealisasikan kejayaan memperoleh pendidikan, Jun begitu gigih dan ingin mendapatkan PhD bagi didekan kepada kepayahan penat lelah ibu bapanya membaskannya.

“Saya gembira dilahirkan sebagai anak kepada ibu bapa saya yang mana mereka lahir akar dan mereka lahir pohon tempat saya berteduh menumpang kebahagiaan di dunia, saya mesti membela segala jasa dan pengorbanan mereka dengan menghadihkan kemanisan buah dari pohon dan akar yang menjadi kekuatan saya selama ini,” ulas Jun sambil menunjukkan beberapa keping gambar kenangan keluarga yang disimpan sebagai pengubat rindu tak kala berada jauh di perantauan.



BBERAPA lukisan yang merupakan lakaran asas bagi setiap pelukis amatir.